

KHILAFAH DAN KESULTANAN ISLAM MERCU PERADABAN DUNIA

Bagaimana Pemerintah Islam pernah Menerajui Dunia Suatu Masa Dahulu?

Jawapannya adalah apabila khalifah-khalifah dan raja-raja Islam zaman dahulu mengambil inisiatif MENGINSTITUSIKAN nilai-nilai baik dan perkara-perkara yang diambil berat oleh Rasulullah ﷺ dalam segenap kehidupan baginda.

Rasulullah ﷺ adalah insanul kamil, insan paling agung dan sempurna, yang menterjemah secara praktis pada segenap kehidupan baginda, semua nilai-nilai baik dan mengambil berat pada sesetengah perkara yang diutamakan dalam ayat-ayat al-Quran sebagai wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT. Maka, nilai-nilai baik serta perkara-perkara yang diambil berat dan dihidupkan oleh baginda ﷺ ini kemudian bukan sahaja menjadi panduan bagi generasi demi generasi umat Islam seluruhnya, malahan telah DIINSTITUSIKAN oleh para pemerintah umat Islam, seperti Khulafa' ur Rashidin, khalifah-khalifah penerus mereka dan raja-raja Islam, apabila bilangan umat Islam bertambah ramai dan wilayah-wilayah yang dibuka menjadi luas seantero dunia.

Sebagai contoh, Rasulullah ﷺ sangat menekankan kepentingan pengajian Ilmu. Maka pengajian Ilmu mula diinstitusi dan dimajukan khususnya di zaman Khilafah Umaiyyah, Abbasiyyah, Fatimiyah, Othmaniyyah dsbnya. Sehingga muncul Universiti al Azhar dan kemakmuran Andalusia sebagai kota para sarjana sedunia. Lahirlah Ilmu Tatabahasa, Ilmu Tafsir Quran, Ilmu Hadith, Ilmu Sain, Ilmu Perubatan, Ilmu Sejarah, Ilmu Alam dan sebagainya.

Contoh lain, Rasulullah ﷺ sangat menyantuni golongan asnaf. Maka khalifah dan raja-raja Islam di era kemudian mendirikan, membangun, mengsystematik dan menyeragamkan institusi-institusi khusus untuk menyantuni golongan asnaf, contohnya hospital-hospital, rumah-rumah kebajikan, pusat-pusat zakat, baitul mal, dan sebagainya.

Contoh lain, Rasulullah ﷺ menekankan keutamaan Jihad dan pembangunan kekuatan ketenteraan umat Islam, maka perkara ini juga institusikan oleh khalifah-khalifah, dan raja-raja Islam dengan membangunkan ketumbuhan-ketumbuhan ketenteraan yang kuat, membina kapal-kapal perang yang besar dan gagah, mewujudkan armada laut dan darat serta kumpulan-kumpulan peninjau dan perisek.

Apa yang Rasulullah ﷺ ambil berat padanya dan dihidupkan dalam keperibadian, akhlak dan ajaran-ajaran baginda, sudah sewajibnya diambil isyarat untuk diinstitusikan sebagai wajah ketamadunan dan peradaban Islam yang sebenar

Teladan Sejarah : Andalusia mercu ketamadunan dan peradaban Islam

Zaman pemerintahan Islam di Andalusia ini berlangsung selama hampir 8 abad, suatu tempuh yang cukup panjang untuk meninggalkan kesan yang sangat hebat dan mendalam kepada perkembangan ketamadunan Barat yang terkait dengan perkembangan ketamadunan Islam di Andalusia, di atas kedudukannya yang bersambung dengan tanah besar Eropah. Sejarawan timur dan barat telah sepakat mengakui bahawa sebelum Islam membuka Andalusia, masyarakat Kristian Eropah hidup di dalam kejahilan dan kemunduran sehingga era tersebut terkenal dengan nama Zaman

Kegelapan. Lantas segala usaha yang dilakukan oleh pemerintah Islam di Andalusia waktu itu bukan sahaja menjadi rujukan oleh kerajaan-kerajaan Kristian di Eropah, malah telah meninggalkan impak positif serta kemajuan yang besar dalam pembangunan ketamadunan Barat.

Sepanjang pemerintahan Islam di Andalusia, ianya telah berhasil membangun ketamadunan, budaya serta peradaban yang tinggi, halus dan kreatif. Kecemerlangan pemerintahan Islam secara khusus mula berlaku dalam era pemerintahan amir Abdul Rahman 1 bin Mu'awiyah al-Dakhil (756-788M) bermula tahun 756 M dan berterusan selama 3 abad berikutnya oleh para amir selepasnya.

Antara yang masyur dalam sejarah peradaban Islam Andalusia adalah keupayaan mengawal, menyikapi serta bersikap adil kepada masyarakat majmuk dari berbagai latarbelakang bangsa dan agama seperti Arab, Yahudi, Barbar, Visigoth, Celtiberian, Romawi dan sebagainya. Konsep toleransi beragama dipraktikkan dengan baik sehingga sejarawan Barat sendiri mengakui bahawa pada zaman Andalusia dipayungi oleh orang Islam, orang-orang Kristian dan Yahudi hidup dalam kedamaian, kesejahteraan dan keamanan .

Di sisi yang lain pula, pemerintahan Islam telah memperkenalkan bidang seni, sains dan kesusasteraan yang unggul dan cemerlang, sedangkan selama beberapa abad sebelumnya, dunia Eropah berada dalam zaman kegelapan dengan kebekuan intelektualisme dan kreativiti. Waktu itu bangsa Arab telahpun jauh memacu ketamadunan dan peradaban dunia seperti di Baghdad dan Mesir. Bandar Cordova dilihat sebagai bandar yang terulung di kalangan negara-negara Eropah yang telah memajukan bidang falsafah, senibina, matematik, teologi, perubatan dan banyak lagi.

Sewaktu Cordova menjadi pusat perkembangan intelek di Eropah, amir al-Hakam 11 ibni Abdul Rahman (961-976 M) dikatakan pernah memiliki lebih 400,000 buah buku. Pada zaman itu belum wujud percetakan seperti hari ini. Semua koleksi adalah hasil tulisan tangan dan dibaca oleh amir al-Hakam sehingga baginda terkenal dengan gelaran 'ulat buku' . Al-Hakam juga membina universiti yang pertama di Andalusia, iaitu universiti Cordova serta membiayai kegiatan ramai sarjana dan saintis. Pelajar dari seluruh penjuru dunia datang untuk belajar Ilmu Perubatan, Matematik, Sains dan Falsafah di bawah seliaan pensyarah Islam, Kristian dan Yahudi. Ketika inilah munculnya tokoh-tokoh cendekiawan Islam seperti Ibn Hazm (994M-1064M), Ibn Rushd (1126M-1198M), Ibn Bajjah (1082-1138M), Ibn Zuhr (1091-1162M) dan ramai lagi. Termasuklah golongan elit Kristian yang dipimpin oleh filosof terkenal Thomas Aquinas (1225M-1274M) dan Maimonides (1135M-1205M), seorang ahli teologi yang pernah terkenal di Andalus ketika pemerintahan Islam, sedangkan beliau berbangsa Yahudi.

Hasil kebijaksanaan al-Hakam, di saat kegemilangannya, kota Cordova memiliki 600 masjid, 900 tempat pemandian umum, 50 hospital serta beberapa pasar perdagangan. Seseorang boleh berjalan di waktu malam sejauh sepuluh batu kerana lampu-lampu dinyalakan untuk menerangi jalan . Dari sudut arkitek, masjid Cordova yang dibina dalam tahun 785 M (sekarang menjadi antara gereja terbesar di dunia) serta istana Alhambra di Granada yang dibina diantara kurun ke 13 dan 14, merupakan antara yang terkenal di dunia.

Begitulah kehebatan Andalusia dalam memacu tamadun serta peradaban Islam yang tinggi, sehingga meniti di bibir umat manusia semenjak zaman berzaman dalam menghormati keunggulan

ketamadunan yang dibina selain menjadi bahan penyelidikan dan rujukan di pusat-pusat kajian sejarah, budaya dan ketamadunan di merata dunia sehingga pada hari ini.

Rumusan:

Apabila khalifah-khalifah dan raja-raja Islam mengambil tanggungjawab menginstitusikan nilai-nilai baik dan perkara-perkara yang diambil berat oleh Rasulullah ﷺ, dibangun dan dimakmurkan dengan keikhlasan, bijaksana, adil dan berwibawa, maka akan wujudlah kerajaan-kerajaan Islam dengan ciri 'Baladun Thayyibatun wa Rabbun Ghaffur' (Negeri yang baik dan Tuhanmu Maha Pengampun) , dan akan dikembalikan umat Islam sebagai khalifah Allah dan khulafa' Rasulullah ﷺ, mengambil tanggungjawab mentadbir bumi, dan makhluk Allah yang melata di dalamnya, dalam semangat dan maksudnya yang hakiki.

Wallahu 'alam Bissawab

TSTHO